



Ezam (tiga dari kanan) bersama wakil NGO **meninjau longkang** yang dibina penduduk secara gotong-royong di Kampung Tanggavelu. [FOTO HAMID KARIM/ BH]

▶ **600**
KELUARGA

sekitar
Kampung
Jawa dilanda
banjir kilat

▶ **100**
KELUARGA

kampung
Tanggavelu
dakwa kerajaan
negeri tidak
peduli kawasan
mereka

▶ **3 KALI**

dilanda banjir
kilat dalam
masa dua
minggu



Parit yang tidak diselenggara di Kampung Tanggavelu, Kampung Jawa.

Selangor gagal bantu

» **Penduduk cari dana sendiri, gotong-royong bersih longkang**

Oleh Hamid Karim
bhnews@bharian.com.my

► **Klang**

Kecewa dengan kerajaan negeri, lebih 100 keluarga yang dilanda banjir kilat di Kampung Tanggavelu, Kampung Jawa, di sini, bertindak mencari dana sendiri dan bergotong-royong membersihkan longkang.

Mereka mendakwa tiada bantuan diterima sehingga kini, khu-

sus membabitkan penyelenggaraan sistem pengairan dan pembinaan longkang bagi mengelak air memasuki rumah.

Penduduk terbabit adalah sebahagian daripada 600 keluarga di Kampung Johan Setia, Kampung SC, Bukit Naga, Taman Sentosa, Bandar Putera dan Kampung Baru Dua, yang tiga kali dilanda banjir kilat dalam tempoh dua minggu bermula 16 Oktober lalu.

Bina longkang

Bengang nasib mereka seperti dianaktirikan, 100 keluarga terbabit mengadakan gotong-royong membina longkang di belakang kediaman masing-masing dengan bantuan Ahli Dewan Negara, Senator Ezam Mohd Nor; Presiden Power Malaysia, M Mogana dan Bendahari UMNO bahagian Kota Raja, Datuk Rosli Mohd Amin.

Wakil penduduk, S Chanthiran, 45, mendakwa mereka tidak lagi mampu menanggung

kerugian sedangkan ketika ini, hujan melanda setiap hari selain Deepavali semakin hampir.

“Kami kesal kerana kerja penyelenggaraan parit misalnya tidak dilakukan. Ada kawasan yang tidak mempunyai parit tetapi tidak dibina oleh pihak berkuasa, menyebabkan kawasan berkenaan mudah dilanda banjir kilat. Kami rugi banyak,” katanya.

A Rajeswari, 38, pula mendakwa terpaksa bergotong-royong dengan penduduk lain bagi membina longkang kerana tidak sanggup menunggu peruntukan kerajaan negeri bagi program mencegah banjir.

Bantuan NGO, wakil rakyat

“Nasib kami baik kerana ada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Senator Ezam, Mogana dan Datuk Rosli turun membantu bagi menampung kos pembinaan longkang. Ini bukan masalah baru kerana saya sendiri sudah berdepan lebih 10 kali banjir kilat sebelum ini,” katanya.



“**Dakwaan penduduk ada benarnya kerana kita dapat melihat sendiri longkang dipenuhi rumput dan ada kawasan pula tidak mempunyai sistem perparitan sewajarnya**”

Ezam Mohd Nor,
Ahli Dewan Negara

Kerajaan negeri tidak ambil tindakan

Ahli Dewan Negara, Senator Ezam Mohd Nor, berkata kerajaan negeri jelas tidak mengambil sebarang tindakan dalam mengatasi masalah banjir kilat di kampung terbabit.

“Dakwaan penduduk ada benarnya kerana kita dapat melihat sendiri longkang dipenuhi rumput dan ada kawasan pula tidak mempunyai sistem perparitan sewajarnya.

Inisiatif penduduk

“Saya bangga kerana penduduk mengambil inisiatif sendiri mengadakan gotong-royong selepas gagal menerima bantuan daripada kerajaan negeri. Kita simpati dengan mereka terutama menjelang sambutan Deepavali tidak lama lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas turut sama membantu penduduk pada gotong-royong berkenaan.